



PETUGAS Indah Water bertungkus-lumus menyedut air yang tercemar dari sungai Kampung Sungai Buah, Dengkil, Selangor, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

PELAJAR wanita dari UPM terpaksa mengambil air di masjid Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Bangi.



Gangguan bekalan air jejas ribuan pelajar universiti

SEBAHAGIAN kolej kediaman di UPM dan KUIS mengalami gangguan bekalan air.



Oleh **NIK HAFIZUL BAHARUDDIN** dan **ROSKHOIRAH YAHYA**
kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA LUMPUR 24 OKT.**

MASALAH gangguan bekalan air akibat penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih semalam bukan sahaja penduduk di beberapa kawasan terjejas malah turut melibatkan ribuan pelajar universiti. Tinjauan *Utusan Malaysia* di Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati, urusan para pelajar yang tinggal di kolej kediaman masing-masing tergendala disebabkan bekalan air terputus di kawasan mereka bermula pukul 7 pagi ini. Pelajar UPM, Amirul

Kamarudin, 23, berkata, tiada sebarang notis yang diberikan pihak universiti berhubung masalah tersebut menyebabkan ramai pelajar tidak bersedia untuk menyimpan air. "Saya sedar tiada bekalan air bermula pagi ini sampai sekarang belum dipulihkan. Saya tidak tahu di mana untuk mendapatkan sumber bekalan tersebut tambahan pula tiada lori tangki Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) di sini," katanya ketika ditemui di sini hari ini. Bagi Siti Khadijah Musa, 24, berkata, dia dan rakan-rakannya terpaksa mencari sumber bekalan air di kawasan luar memandangkan bekalan air di kolej kediamannya terputus sepenuhnya. "Hari ini sudah masuk kali ketiga saya mencari air di kawasan luar. Nampaknya saya perlu ke masjid Uniten memandangkan masjid UPM juga tiada bekalan air," katanya. Situasi sama dilaporkan turut berlaku di Kolej Universiti Islam

Antarabangsa Selangor (KUIS) apabila pelajar hanya bergantung sepenuhnya pada tangki simpanan air. Seorang pensyarah yang enggan dikenali berkata, pihak KUIS tidak boleh bergantung sepenuhnya pada tangki simpanan tersebut memandangkan kemudahan itu tidak cukup untuk menampung keperluan pelajar bagi tempoh yang lama. "Kami juga bimbang sekiranya masalah gangguan ini berlarutan sehingga Rabu ini memandangkan pada hari tersebut KUIS akan menerima kemasukan baharu untuk pelajar peringkat asas' *كليات* harap masalah ini segera diatasi," katanya. Bagaimanapun kenyataan terkini daripada Syabas memaklumkan LRA Sungai Semenyih kembali beroperasi pada 1.30 tengah hari dan bekalan air akan pulih secara pulih secara berperingkat apabila air dalam kolam perkhidmatan mencapai paras optimum.